

**KAJIAN KE ATAS PERKHIDMATAN KONSULTAN KONSTRUKSI DAN  
PERMINTAAN KLIEN TERHADAP PERKHIDMATAN UKUR BAHAN  
DI KOTA PADANG - INDONESIA**

**WAHYUDI PUTRA UTAMA**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

**MAC, 2003**

## **ABSTRAK**

Kajian ini ditumpukan untuk mengenalpasti perkhidmatan ukur bahan yang dijalankan oleh firma konsultan konstruksi dan mengenalpasti sifat permintaan klien ke atas perkhidmatan ukur bahan yang diberikan konsultan tersebut. Ianya juga mengenalpasti perkhidmatan ukur bahan yang berpotensi untuk dikembangkan. Kajian ini dijalankan terhadap firma konsultan konstruksi dan pihak klien di Kota Padang, Indonesia. Kaedah peratusan dan analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi. Daripada penemuan didapati bahawa firma-firma konsultan konstruksi di Padang telah mengamalkan sebahagian besar perkhidmatan ukur bahan yang disenaraikan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Klien juga berpuas hati terhadap perkhidmatan ukur bahan yang diberikan firma konsultan, khasnya perkhidmatan asas firma ukur bahan. Kajian kemungkinan bagi penilaian pembangunan, perancangan dan analisis kos, penyediaan senarai kuantiti berkomputer, nasihat kaedah perolehan serta nasihat bagi penyelesaian pertelingkahan adalah diantara perkhidmatan ukur bahan yang berpotensi dikembangkan di Kota Padang khasnya dan Indonesia umumnya.

## **ABSTRACT**

This study is focused to identify the quantity surveying services which are run by the construction consultant firms and identify the nature of client demand of the quantity surveying services which is given by the construction consultant. It also identifies the potential of the quantity surveying services to be developed. It was carried on the construction consultant firms and the clients in city of Padang, Indonesia. Percentage method and descriptive analysis is used to analyze the obtained data. It was founded that the construction consultant firms in Padang have practiced the big part of the quantity surveying services which is listed by The Quantity Surveyor Board of Malaysia. Clients are also satisfied toward the quantity surveying services which is given by consultant firms, especially the basic services of quantity surveying firms. Feasibility study for development appraisal, cost planning and cost analysis, computerizing in preparing bill of quantities, advice on procurement method and advice on dispute resolution are some of potential the quantity surveying services to be developed.